

19/12/1997

Ada peruntukan untuk pesakit miskin: SJMC

SUBANG JAYA, Khamis - Pusat Perubatan Subang Jaya (SJMC) memperuntukkan sebanyak 25 peratus daripada keuntungan sebelum cukainya untuk membantu pesakit yang berpendapatan rendah.

Ketua Pengawai Eksekutif dan Pengarahnya, Kevin Potter berkata, kebanyakan daripada peruntukan itu digunakan bagi membantu membiayai pembayaran pembedahan jantung, yang ternyata mahal dan tidak dapat ditampung pesakit yang kurang berkemampuan.

Di samping itu, katanya, potongan harga diberikan kepada pesakit tempatan yang mempunyai masalah kewangan, termasuk yang disebabkan hilang pekerjaan.

"Segala kemudahan dan potongan harga ini hanya diberikan kepada pesakit tempatan," katanya kepada pemberita selepas majlis penganugerahan ISO 9002 kepada pusat perubatan itu, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta hospital swasta memberi potongan bayaran perubatan kepada pesakit tempatan berikutan kegawatan ekonomi yang dialami negara sekarang.

Menurut Perdana Menteri, pengurangan bayaran itu perlu kerana pendapatan penduduk negara ini sudah pun susut 45 peratus berikutan kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham, sejak Julai lalu.

Mengenai cadangan Perdana Menteri supaya hospital swasta mengurangkan gaji dan elaun kakitangan bagi membolehkannya mengenakan caj lebih rendah kepada pesakit, Potter berkata, perkara itu perlu dikaji dengan teliti sebelum dilaksanakan.

(END)